

PM bangga Malaysia berjaya tonjolkan identiti

UM 18 JUN 2003

PUTRAJAYA 17 Jun -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini bangga kerana Malaysia telah berjaya menonjolkan identitinya sendiri sehingga dikenali di kalangan masyarakat antarabangsa.

Katanya, berbeza keadaan negara selepas merdeka, Malaysia kini mampu mendirikan bangunan yang mempunyai ciri-ciri tersendiri yang boleh menarik minat para pengunjung dari luar negara.

Menurut Perdana Menteri, kebanyakan bandar di negara ini dikenali kerana bangunan yang didirikan oleh penjajah seperti di Melaka yang kaya dengan peninggalan Portugis, Belanda dan Inggeris.

"Sekarang kita mahu supaya bangunan-bangunan yang dibina mencerminkan identiti negara kita sendiri supaya ia boleh, dihargai oleh semua masyarakat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pelancaran ulang tahun pertama perpindahan Jabatan Perdana Menteri (JPM) dari Jalan Dato' Onn ke Putrajaya.

Dr. Mahathir turut yakin rakyat Malaysia dan pelawat luar negara kini tahu mengenai pusat

pentadbiran persekutuan di sini yang mempunyai reka bentuk unik dan menggambarkan ciri-ciri Islam.

Perdana Menteri menambah, kompleks kerajaan di Putrajaya itu menggambarkan Malaysia yang sebenar dan kini semakin dikunjungi oleh pelbagai lapisan masyarakat.

Dalam buku cenderamata sempena sambutan berkenaan, Dr. Mahathir berkata, perpindahan itu membuka satu paradigma baru dalam lembaran perkhidmatan awam Malaysia.

Kata Perdana Menteri, langkah itu juga akan menjurus kepada pentadbiran awam yang moden, cekap, berkualiti dan berdaya saing dengan penggunaan teknologi maklumat, (IT) di setiap peringkat.

"Segala usaha untuk memakmurkan negara memerlukan pengorbanan dan pengemblengan tenaga secara menyeluruh daripada semua lapisan pegawai dan kakitangan kerajaan," katanya.

Sementara itu, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali berharap sambutan seumpama itu akan dijadikan acara tahunan bagi merapatkan silaturahim di antara warga JPM.